


Seri Musik Keroncong

Ab Bb Eb



230595
1

Ariff Ahmad



Seri Muzik Reroncong

Ariff Ahmad

PUSTAKA PERDANA



1309817

PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI • 2001

Cetakan Pertama / *First Printing*, 2001
Hak cipta / *Copyright* Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit UKM terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Penerbit UKM.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia

Penerbit UKM adalah anggota / *is a member of the*
PERSATUAN PENERBIT BUKU MALAYSIA /
MALAYSIAN BOOK PUBLISHERS ASSOCIATION
No. Ahli / *Membership No.* 8302

Dicetak di Malaysia oleh / *Printed in Malaysia by*
MALINDO PRINTERS SDN BHD
Lot 3, Jalan Ragum, Seksyen 15/17,
46000 Shah Alam, Selangor D.E.
MALAYSIA

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ariff Ahmad

Seni muzik keroncong / Ariff Ahmad

Bibliografi: ms.

1. Folk music--Malaysia. 2. Malays (Asian people)--Malaysia--
Songs and music. 3. Music--Malaysia--History and criticism.

I. Judul.

781.6299230595

ISBN 967-942-547-9

731.02
.A51

Kandungan

Pendahuluan . . . 7

BAB SATU . . . 9

Seni Muzik Tradisional Melayu

BAB DUA . . . 18

Seni Muzik Keroncong

BAB TIGA . . . 26

Bentuk Asas Seni Muzik Keroncong

BAB EMPAT . . . 44

Perkembangan Lagu Keroncong

Lirik Lagu Keroncong . . . 51

Nota Lagu Keroncong . . . 141

Indeks . . . 251



Pendahuluan

Melihat arah perkembangan seni muzik tradisional Melayu semenjak beberapa tahun kebelakangan ini yang tidak menggalakkan, maka dikhuatiri seni ini akan bertambah terencil dan akhirnya mungkin hilang sama sekali dari alam kesenian Melayu. Seni muzik tradisional Melayu dapat mempertahankan kedudukannya hingga tamat peperangan Dunia Kedua sekitar tahun 1950. Ini sangat berbeza dengan keadaannya pada tahun-tahun 20-an, 30-an dan 40-an. Seni muzik keroncong pada masa itu disanjung tinggi oleh seluruh rakyat. Adakah kemerosotan seni itu dibiarkan berterusan dengan tidak sedikitpun usaha diambil untuk menyelamatkannya daripada terus pupus dan ghaib dari warisan kita?

Kita harus menerima hakikatnya bahawa kesenian pada keseluruhannya berubah dari masa ke semasa mengikut peredaran zaman dan peralihan selera. Perubahan ini biasanya berlaku secara tidak disedari atau adakalanya sengaja dibuat. Peredaran zaman bermakna perubahan dari segi sosioekonomi dan sosiobudaya masyarakat yang sekaligus menyebabkan kebudayaan masyarakat itu juga berubah. Itulah yang berlaku pada semua jenis kesenian. Akibat kegiatan-kegiatan yang diadakan secara sengaja atau tidak sengaja membantu dalam proses perubahan itu. Malangnya perubahan yang berlaku adakalanya merosakkan bentuk seni yang ada.

Kerana inginkan pengiktirafan sesuatu seni di mata dunia atau terbawa-bawa oleh pembaharuan di alam moden, keghairahan yang ditunjukkan oleh beberapa pihak tertentu yang mengejar bentuk kontemporari atau kreatif, menghasilkan bentuk kesenian yang banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur asing terutama unsur dari Barat. Sedikit sebanyak unsur dari beberapa kawasan Asia juga ada didapati seperti dari Indonesia, India dan China.

Seni muzik tradisional bagi sesuatu masyarakat mesti mengandungi ciri-ciri tempatan yang tulen. Ia mestilah berasal daripada kawasan di mana masyarakat itu tinggal. Ia adalah hasil ciptaan penduduk tempatan dan yang telah diwarisi turun temurun.

Tidak ada satu bangsa pun di dunia ini yang boleh menjamin bahawa seni muzik mereka bebas daripada pengaruh muzik asing terutama dari negara-negara jiran. Kebudayaan sesuatu masyarakat diketahui dipengaruhi oleh unsur luar pada suatu ketika dalam sejarahnya, melainkan jika masyarakat itu sangat terencil dan

tidak pernah langsung mengadakan perhubungan dengan bangsa lain sepanjang sejarahnya. Pengaruh itu ada dalam berbagai cara, ada yang meninggalkan kesan yang mendalam dan ada juga cuma sedikit sahaja. Kesan yang ditinggalkan oleh unsur asing itu boleh didapati dalam kebudayaan masyarakat itu hingga sekarang.

Seni muzik dari Timur Tengah pada satu ketika dahulu dibawa ke kawasan Eropah oleh orang-orang Islam yang pada masa itu menguasai sebahagian besar benua Eropah. Seni muzik Timur Tengah masih boleh dikesan dalam beberapa seni muzik tradisional di negara-negara Eropah seperti Sepanyol, Portugal, Yunani, Itali dan beberapa negara lain, walaupun pada masa ini bentuk muzik itu sudah banyak berubah dengan adanya usaha adaptasi atau penyesuaian dibuat oleh penduduk tempatan.

Buku ini cuba memberi penerangan mengenai salah satu jenis muzik tradisional yang sudah lama bertapak di Malaysia, iaitu keroncong. Ia berasal dari Pulau Jawa dan dibawa oleh orang-orang Jawa yang datang beramai-ramai pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 untuk mencari kerja di Johor dan di beberapa kawasan di pantai barat Semenanjung Malaysia terutama di Selangor dan Perak. Semenjak itu keroncong diterima oleh peminat-peminat seni muzik tempatan. Lama kelamaan corak muzik itu telah bertukar sedikit demi sedikit walaupun bentuk asalnya masih kekal. Sehingga tahun 50-an hampir semua lagu-lagu keroncong adalah yang dibawa dari Indonesia. Tetapi setelah itu ada pencipta tempatan yang menghasilkan lagu keroncong bercorak Melayu. Di dalam buku ini ada diberi penerangan mengenai cara permainan lagu keroncong serta pilihan beberapa lagu terkenal terutama dari Indonesia yang biasa dimainkan oleh kumpulan muzik keroncong.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada syarikat EMI (M) Bhd. kerana membenarkan lirik dan melodi lagu-lagu keroncong yang terkandung dalam album “Keroncong Malaysia” dimuatkan dalam buku ini.

Adalah diharapkan kepada peminat-peminat seni muzik tradisional keroncong khususnya dan pencinta muzik amnya akan dapat menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang muzik keroncong demi untuk menjaga, mempertahankan dan seterusnya membangunkan seni muzik keroncong. Saya sanjung tinggi kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk menulis buku ini.

BAB 1

Seni Muzik Tradisional Melayu

Secara tidak disedari, seni muzik mempengaruhi hidup seseorang insan, bermula daripada hari pertama dia dilahirkan hinggalah dia menghembuskan nafasnya yang terakhir.

Mungkin seni muzik berbeza-beza bagi setiap golongan masyarakat di dunia, ini disebabkan oleh keadaan sosiobudaya atau kedudukan masyarakat itu dan sistem yang mempengaruhi hidupnya. Mengikut ahli ilmu jiwa yang membuat kajian mengenai kesan muzik terhadap jiwa manusia mendapati bahawa jiwa manusia sentiasa dipengaruhi oleh muzik yang berbagai-bagai corak atau bentuk pada setiap ketika. Namun begitu, bentuk ini pula dikuasai oleh beberapa faktor seperti alam sekeliling, adat resam, kepercayaan dan agama. Corak yang akhirnya kekal di dalam sesuatu masyarakat adalah corak yang diyakini berfaedah kepada masyarakat itu dalam hidupnya.

Di Malaysia dan di Nusantara seni muzik sudah lama menjadi satu ciri kesenian yang kukuh dan berpengaruh. Seni muzik di kawasan ini berkembang dengan cara tertentu, terutama di tempat-tempat yang terpencil dan kurang dipengaruhi oleh dunia luar atau yang dapat mempertahankan seni muzik mereka daripada dicerobohi oleh pengaruh-pengaruh luar. Seni Muzik masyarakat Pulau Bali, misalnya, adalah satu-satunya contoh yang boleh dikaitkan dengan keadaan ini. Malangnya pada masa kini kesenian mereka telah banyak tercemar oleh pengaruh luar terutama yang dibawa oleh pelancong asing.

Seperti yang diketahui dalam sejarah rantau ini, banyak orang asing yang datang ke rantau ini. Mereka terdiri daripada orang China, India, orang dari Timur Tengah dan Eropah. Kedatangan mereka ke rantau ini bukan sahaja untuk memperluaskan kawasan perdagangan mereka tetapi membawa bersama seni dan budaya mereka. Kesannya dapat kita lihat yang mempengaruhi sedikit sebanyak cara hidup atau kebudayaan rantau ini.

Seni Muzik Keroncong

Seni muzik keroncong mula diperkenalkan ke Semenanjung Tanah Melayu pada akhir abad ke-19 apabila ramai pekerja buruh dari Indonesia terutama dari Pulau Jawa berhijrah ke Malaysia untuk mencari pekerjaan. Penduduk dari Jawa, tidak ketinggalan juga membawa bersama kesenian mereka termasuk seni muzik gamelan, keroncong, muzik untuk wayang kulit, kuda kepang, barongan, hamdulok, katoperak, silat dan sebagainya. Kawasan-kawasan yang banyak terdapat kegiatan muzik keroncong adalah di tempat-tempat di mana terdapat ramai orang Jawa dan keturunannya seperti di negeri Johor, di pantai barat negeri Selangor dan Perak. Pada mulanya lagu-lagu keroncong yang dimainkan oleh orang tempatan adalah lagu-lagu yang berasal dari Indonesia. Akan tetapi lama-kelamaan, selepas Perang Dunia Kedua, ada pencipta lagu tempatan yang mencipta lagu-lagu keroncong bercorak Melayu seperti Zubir Said, Ahmad Jaafar, P. Ramlee, Mohd. Wan Yet, Johar Bahar, Sudar Mohammad, Zainal Ibrahim dan pada akhir-akhir ini Mahzan Manan dan Ariff Ahmad. Di Indonesia terdapat ramai pencipta lagu keroncong yang ternama antaranya Ismail Marzuki, Gesang R. Maladi, Oey Yok Siang, R. Sutedjo, Arimah, Budiman B.J., S. Padimin, L. Hidayat, S. Poniman, Teruma Hadi, Iskandar dan Mochtar Embut dan pada masa sekarang Soeharto A.H., Riyanto dan ramai lagi.

ARIFF AHMAD, Ph.D adalah karyawan tamu di Unit Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Selama empat dekad beliau mengabdikan dirinya kepada dunia seni selama berkhidmat di Radio Malaysia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Universiti Malaya, ITM dan kini di Universiti Kebangsaan Malaysia. Selain menjadi pensyarah, Ariff Ahmad juga giat menerbitkan album dan filem untuk Radio Malaysia, Filem Negara Malaysia dan Universiti Malaya. Antara lain, beliau telah menerbitkan album sulung gesekan biola solo Hamzah Dolmat, album Gamelan Malaysia, dan album Keroncong Selangor.



**PENERBIT
UKM**

RM 40.00

ISBN 967-942-547-9



9 789679 425475



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA